



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 27 Disember 2019

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 26 TAHUN 2019**

**PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN BAGI PEGAWAI
YANG DILANTIK DALAM PERKHIDMATAN DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk dan Kenyataan Unit Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 25 Tahun 2019 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat kekeliruan berkenaan anggota yang perlu menjalani tapisan keselamatan selaras dengan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011 – Pindaan Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Bagi Pegawai Yang Dilantik Dalam Perkhidmatan Awam** berkuatkuasa pada 03 Disember 2019 yang telah dikeluarkan melalui Kenyataan Unit Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 25 Tahun 2019.

3. Sehubungan dengan itu, dijelaskan bahawa pelaksanaan tapisan keselamatan ini akan melibatkan semua **anggota lantikan tetap LGM** seperti berikut:

- a) anggota **lantikan pertama** atau **lantikan ke skim perkhidmatan yang lain**; dan
- b) anggota yang **belum disahkan atau yang telah disahkan sebelum, pada atau selepas tarikh kuatkuasa** tetapi belum menjalani tapisan keselamatan.

4. Sehubungan dengan itu, semua anggota LGM yang belum disahkan atau yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum menjalani tapisan keselamatan diminta berbuat demikian dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh kenyataan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**


(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)